

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meraikan penubuhan institusi itu selama hampir lebih sedekad dengan menganjurkan Karnival Eksplorasi USIM 2011 dengan pelbagai acara menarik.

Oleh MAZLINA ABDUL MAJID
mazlina.majid@kosmo.com.my

WAJAH-WAJAH penuh kerianngan jelas terpancar pada sekumpulan pelajar di satu sudut di Pusat Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Senda tawa gurauan juga jelas kedengaran hingga berjaya menenggelamkan bunyi bisik kenderaan yang lalu lalang. Barangkali mereka terlalu gembira kerana dalam tempoh tiga hari, mereka tidak perlu terlalu serius menelaah buku pelajaran.

Dari semasa ke semasa, deretan kereta, motosikal, van mula memenuhi jalan-jalan utama di kampus itu. Demikian juga para pelajar yang lengkap berpakaian tradisional Melayu, seragam askar, taekwondo termasuk yang hanya mengenakan baju-T berwarna-warni beramai-ramai berjalan kaki menuju ke pusat sukan.

Sememangnya pada hari itu, cuaca sangat panas. Jadi, tidak hairanlah ada yang berpayung dan tidak kurang menggunakan surat khabar untuk menghalang panahan cahaya matahari.

Selang beberapa ketika, terdengar dendangan lagu kebangsaan masyarakat Minang, *Ayam Den Lapeh* yang dinyanyikan oleh penyanyi keroncong USIM, Mohd. Nurhakimi Md Yaman. Beritahu Penolong Pendaftar kampus itu, Khairul Azizi Elias, Mohd. Nurhakimi baru saja memenangi Festival Keroncong Majlis Kebudayaan Universiti-Malaysia (Makum) baru-baru ini.

"Kak, saya sangat teruja dengan Hari Terbuka USIM kerana inilah julung-julung kalinya diadakan.

"Ini juga pertama kali saya dapat melihat lebih 6,000 pelajar berkumpul dan bersatu dalam satu program yang dinanti-nanti," kata seorang pelajar lelaki yang tiba-tiba datang menemui penulis, berbicara dan berlalu sekelip mata tanpa sempat menulis mencatatkan nama dan umurnya.

Rupa-rupanya pelajar itu harus segera memasuki barisan untuk berkhawat kerana tetamu kenamaan telah sampai.

Khairul Azizi memberitahu, setelah 11 tahun USIM ditubuhkan, ini merupakan pertama kali universiti itu menganjurkan hari terbuka universiti atau dikenali sebagai Karnival Eksplorasi USIM 2011

yang bertemakan *Simply Inspiring*.

Kenapa ia dinamakan eksplorasi? Ujar Khairul Azizi, perkataan eksplorasi itu sendiri membawa maksud penjelajahan ke lapangan untuk memperoleh sesuatu.

Dengan erti kata lain, pihak kampus memberikan peluang kepada para pengunjung untuk menyelami dan mendalami apa yang terdapat di USIM dengan lebih dekat dan mesra.

Sebenarnya, karnival yang berlangsung pada 4 hingga 6 Mac lalu tidak hanya melibatkan warga kampus. Pada masa yang sama ia turut melibatkan pelajar-pelajar di sekolah berdekatan dan masyarakat setempat.

"Kita tak mahu keluarga hanya datang menonton sebaliknya mereka juga turut serta dengan aktiviti kami, kita mahu mereka lebih dekat dan mesra dengan kita," kata Khairul Azizi.

Kompleks sukan Tunku Najihah

Sepanjang tiga hari program itu berlangsung, pelbagai aktiviti menarik disediakan.

Antaranya ialah pameran dan taklimat di setiap fakulti, pameran pasukan beruniform, persembahan pelajar, kempen derma darah dan pemeriksaan kesihatan.

Tidak ketinggalan, pertandingan sukan seperti bola jaring dan futsal, pertandingan fotografi pertandingan *Explore Race* serta tayangan video.

Bagi memupuk semangat usahawan di kalangan pelajar, deretan gerai yang menjual pelbagai makanan dan minuman juga didirikan. Satu-satunya perkara yang sangat dianggakan oleh warga USIM ialah kompleks sukannya.

Ada sebab mengapa mereka merasai perasaan itu. Pertama, trek sintetik di kompleks itu telah

diiktiraf oleh International Association Athletic Federation (IAAF) sebagai kemudahan sukan yang bertaraf dunia. Lebih bermakna lagi, USIM merupakan universiti pertama di negara ini yang memperoleh pengiktirafan tersebut sejak tahun 2009.

Sebagai kampus baru, pastinya mereka terharu apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memilih USIM sebagai penganjur kepada Sukan Antara Universiti-Universiti Malaysia (Masum) pada tahun lalu.

Atas komitmen dan kesungguhan pihak pengurusan, KPT turut menjadikan kompleks itu sebagai Pusat Sukan Tumpuan Taekwondo KPT. Ini bermakna USIM diberi kepercayaan menyelaras dan membangunkan program pembangunan sukan lakas itu di seluruh IPT.

Secara keseluruhan, pusat itu dilengkapi dengan gelanggang tenis, sepak takraw, bola tampar, bola baling, futsal, bola jaring dan 22 stesen latihan beban.

Selain itu terdapat juga gimnasium, aktiviti kokurikulum dan pejabat sukan.

Sebagai menghargai jasa baik Canselornya, Tunku Ampuan Najihah Tunku Besar Burhanuddin, kompleks itu secara rasminya diberi nama Kompleks Sukan Tunku Najihah.

Baginda juga berkenan untuk merasmikan kompleks itu pada karnival tersebut.

Melalui program-program yang dianjurkan, USIM berharap sedikit sebanyak institusi itu dapat meraihan para pelajarnya. Di samping itu, masyarakat luar juga dapat melihat USIM sebagai satu destinasi menara gading yang terbaik untuk menyambung pengajian.

Warna-warni Karnival Eksplorasi USIM

PERSEMBAHAN silat yang memukau para pengunjung.



KECEKAPAN pelajar USIM berkawat mendapat tepukan gemuruh daripada tetamu.



USIM antara kampus yang aktif melahirkan bakal tentera yang berwibawa.

KARNIVAL ini turut menyediakan aktiviti untuk kanak-kanak.



BAWAH: Uji kecekapan. Acara bermain dam ular melibatkan peserta USIM dan orang luar.



SELAIN pertandingan bola jaring, karnival ini juga digamatkan dengan acara bola tampar, futsal dan badminton.



TUNKU NAJIHAH (kiri) teruja melihat demonstrasi bermain karam oleh para pelajar.



RASMI. Tunku Najihah berkenan merasmikan kompleks sukan yang mengambil sempena namanya.



PERSEMBAHAN tarian tradisional Negeri Sembilan menjadi penyeri kepada majlis ini.



USIM cungkil bakat pendebat

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini menganjurkan Debat Piala Naib Canselor USIM 2011. Menariknya, pertandingan itu tidak hanya mempertaruhkan bahasa Melayu semata-mata, tetapi ia turut menarik perhatian penutur bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Pengarah Kejohanan, Zulfawwaz Mohamad berkata, pertandingan yang mendapat sambutan memberangsangkan daripada warga kampus antara lain mahu mencungkil bakat dan membina barisan pelapis pendebat yang mantap.

Sebelum acara berlangsung, Kelab Debat USIM telah menganjurkan Kursus Intensif Debat selama sehari yang dikendalikan oleh Unit Bahasa Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

"Kita mahu memberi pendedahan kepada peserta mengenai perdebatan dan teknik-teknik perdebatan yang betul," kata Zulfawwaz.

Kategori debat bahasa Melayu menyaksikan pertemuan antara Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) dan Fakulti Kepimpinan serta Pengurusan (FKP).

FSU yang bertindak sebagai pencadang telah mengemukakan usul *Malaysia Perlu Lebih Terbuka* dan pasukan FKP perlu membangkang usul berkenaan.

Pasukan FSU diwakili oleh Aizat Shamsuddin, Mohd. Azuwa Hasan, Nur Syuhada Amer dan Ummu Hani Sulaiman.

Sementara itu, pasukan FKP diwakili oleh Nuraini Sobri, Abdul Rahman Abdul Kodir, Muhd. Ariff Bashiruddin Muhd. Rusli dan Siti Normufita Mohd. Shafie.

Setelah lebih sejam berdebat, akhirnya pihak juri memilih pasukan daripada FKP sebagai juara bagi kategori itu.

Juara telah membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan sijil penghargaan manakala naib johan membawa pulang piala iringan serta sijil penghargaan.

Muhd. Ariff Bashiruddin telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik, Pertandingan Akhir Kejohanan Debat Piala Naib Canselor Kategori Bahasa Arab telah dimenangi oleh FSU yang menewaskan Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Bagi kategori bahasa Inggeris pula, Fakulti Pergigian telah berjaya membuktikan kebolehan apabila berjaya menewaskan pasukan daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan.

Dalam pertandingan itu, kehebatan pasukan dari FSU terserlah apabila turut merangkul kejayaan bagi kategori bahasa Arab.

Dengan itu, satu sejarah tercipta apabila fakulti yang bakal membariskan pengamal undang-undang kelas pertama dinobatkan sebagai pemenang Piala Pusingan Naib Canselor buat kali ketiga berturut-turut.



BARISAN pemenang pada pertandingan Debat Piala Naib Canselor akan mewakili USIM ke peringkat universiti.